

RINGKASAN / CABUTAN KETERANGAN

<u>Ringkasan Keterangan</u> <u>(SOE – Summary of Evidence)</u>	<u>Cabutan Keterangan</u> <u>(AOE – Abstract of Evidence)</u>
<p>>Laporan bertulis yang mengandungi keterangan saksi-saksi yang diambil secara bersumpah bertujuan untuk penyiasatan sesuatu pertuduhan.</p> <p>>Diambil dengan kehadiran OKT.</p> <p>>OKT berhak soalbalas saksi-saksi pendakwaan.</p> <p>>OKT tidak berhak mendapat salinan SOE yang diambil.</p> <p>>Kaedah 35PU (A) 163</p>	<p>>Laporan bertulis yang mengandungi keterangan saksi-saksi yang diambil secara tidak bersumpah.</p> <p>>Diambil dengan ketidakhadiran OKT.</p> <p>>Tiada soalbalas saksi-saksi pendakwaan oleh OKT.</p> <p>>OKT berhak mendapat satu salinan AOE yang diambil.</p> <p>>Kaedah 36 PU (A) 163</p>

PERSIAPAN SEBELUM KETERANGAN DIREKODKAN

Perkara-perkara yang perlu diambilkira dan disediakan:-

1. Dapatkan salinan BAT D 200 bagi mengetahui jenis kesalahan yang dilakukan OKT.
2. Apakah keterangan yang perlu diambil bagi membuktikan kesalahan yang telah dilakukan OKT (rujuk Akta keterangan 1950 dan catitan kecil di bawah seksyen berkaitan di dalam Akta 1972).
3. Saksi-saksi penting yang perlu dipanggil (*relevant & material witnesses*) untuk member keterangan (senaraikan mengikut susunan supaya fakta kes dapat difahami dengan mudah).
4. Fakta-fakta kes yang berkaitan dengan pertuduhan supaya tiada percanggahan dengan keterangan yang diambil dari saksi-saksi.
5. Keperluan-keperluan yang digariskan dalam **Kaedah 33,35,36 kepadaPU (A) 163** dan prosidur yang bersesuaian dengan **Akta Keterangan 1950**.
6. Peralatan tulis yang cukup dan publikasi seperti AAT 1972, Warta Kerajaan dan Akta Keterangan 1950.
7. Bilik khas untuk mengambil keterangan saksi-saksi.
8. Alat perakam suara.
9. Saman kepada saksi (rujuk Jadual Ketiga kepada PU (A) 163).
10. Pentadbiran sumpah/ikrar kepada saksi (rujuk Jadual Keenam kepada PU (A) 163).

BILA SOE MESTI DIAMBIL?

1. Hukuman maksimum sesuatu kesalahan adalah **hukumanmati**.
2. **OKT memohon secara bertulis** kepada Pegawai memerintah (PM) untuk SOE diambil.
3. PM berpendapat bahawa **kepentingan keadilan** memerlukan sesuatu SOE diambil.

7:11 dpd 26

PROSIDUR MENGAMBIL RINGKASAN KETERANGAN (SOE)

1. Diambil mengikut format di dalam Jadual Ketiga kepada PU (A) 163.
2. Diambil oleh PM sendiri atau pegawai yang dilantik oleh PM. (rujuk PU 5106 (Undang-Undang & Pengurusan Tata tertib) – Bab 3, Kembaran H untuk format pelantikan).
3. Pelantikan yang dibuat hendaklah diisytiharkan di dalam PERBAH SATU pasukan.
4. Saksi-saksi pendakwaan hendaklah member keterangan bersumpah dan OKT dibenarkan memeriksabalas mereka. Sekiranya OKT enggan memeriksabalas, ia hendaklah dizahirkan dalam Ringkasan Keterangan tersebut.
5. Selepas segala keterangan terhadap OKT diberi, OKT hendaklah ditanya:

"Adakah kamu hendak berkata apa-apa jua? Kamu tidak diwajibkan berkata apa jua, tetapi jika kamu hendak, kamu boleh member keterangan dengan mengangkat sumpah, atau kamu boleh membuat satu pernyataan dengan tidak mengangkat sumpah. Apa-apa keterangan yang kamu beri atau apa-apa pernyataan yang kamu buat akan dituliskan dan boleh diberi sebagai keterangan." (rujuk Kaedah 35(d) PU (A) 163).
6. Sekiranya OKT membuat kenyataan, ianya hendaklah direkodkan secara bertulis, dibacabalik kepadanya dan OKT hendaklah menandatangani.
7. OKT juga boleh memanggil saksi-saksi bagi pihaknya untuk pembelaan dan keterangan mereka hendaklah dibuat secara lisan dan direkodkan secara bertulis.
8. OKT dan saksi-saksi pembelaan tidak tertakluk kepada pemeriksaan balas.
9. Keterangan setiap seorang saksi yang member keterangan secara lisan hendaklah direkod secara bertulis, dibacakan balik kepadanya dan ditandatangani.
10. Keterangan boleh direkod dalam bentuk cerita (*narrative*), tetapi apa-apa soalan yang dikemukakan kepada seorang saksi pendakwaan dalam pemeriksaan balas oleh OKT berserta jawapannya hendaklah direkodkan sepatah demi sepatah (*verbatim*).
11. Penutup SOE – Pegawai tersebut hendaklah memperakui di atasnya bahawa beliau telah mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Kaedah 35 kepada PU (A) 163 (rujuk penerangan terakhir bagi pengambilan Ringkasan Keterangan dalam Jadual Ke 3).

PROSEDUR MENGAMBIL CABUTAN KETERANGAN (AOE)

1. Diambil mengikut format di dalam Jadual Ketiga kepada PU (A) 163.
2. Diambil oleh PM sendiri atau pegawai yang dilantik oleh PM. (rujuk PU 5106 (Undang-Undang & Pengurusan Tata tertib) – Bab 3, Kembar H untuk format pelantikan).
3. Semasa keterangan diambil, OKT tidak dibenarkan hadir.
4. Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh saksi-saksi pendakwaan hendaklah ditandatangani.
5. Sekiranya saksi tidak boleh didapati dengan mudah, suatu ikhtisar keterangan daripadanya boleh dimasukkan sebagai ganti sesuatu pernyataan yang ditandatangani.
6. Sumpah tidak boleh ditadbirkan bagi seseorang saksi yang membuat suatu pernyataan.
7. Selepas keterangan saksi-saksi pendakwaan diambil, satu salinan hendaklah diberi kepada OKT dengan amaran berikut:

"ini adalah suatu salinan Cabutan Keterangan dalam kes kamu; kamu tidak diwajibkan berkata apa-apa berkenaan dengannya melainkan kamu hendak berbuat demikian, tetapi kamu patut baca cabutan keterangan itu dan apabila kamu telah baca, jika kamu hendak berkata apa-apa maka apa yang kamu katakana akan dituliskan dan boleh diberi sebagai keterangan" (rujuk Kaedah 36(2) PU (A) 163.
8. Selepas amaran diberi dan sekiranya OKT ingin membuat keterangan ianya hendaklah ditulis dan ditandatangani.
9. OKT boleh mengemukakan kepada pegawai yang mengambil Cabutan Keterangan, mana-mana saksi bagi pihaknya dan kenyataan tersebut hendaklah dilampirkan dalam Cabutan Keterangan tersebut.
10. Penutup AOE – Pegawai yang merekodkan kenyataan OKT hendaklah membuat suatu perakuan yang menyatakan bahawa OKT telah diberi amaran dengan wajarnya mengikut bentuk dalam Jadual ke 3 kepada PU (A) 163 dan ia hendaklah dilampirkan pada Cabutan Keterangan tersebut.

CARTA ALIRAN PENGAMBILAN RINGKASAN/CABUTAN KETERANGAN

PELANTIKAN OLEH PM
(Siar dalam Perbah 1)

SEMAK BAT D 200
(teliti pertuduhan)

PANGGIL SAKSI
(ikut keutamaan dan
Tetapkan tarikh perjumpaan)

SOE

OKT hadir

AOE

OKT tidak hadir

SAKSI PENDAKWAAN BERI KETERANGAN

SOE

Bersumpah

OKT boleh diperiksabalas

AOE

Tidakbersumpah

Tiada periksabalas oleh OKT

SELESAI KETERANGAN DARI SAKSI PENDAKWAAN

SOE

Tanya OKT

("Adakah kamu hendak berkata....
....."-K. 35(d)PU(A) 163)

YA

TIDAK

Catit keterangan OKT
Secara bertulis dan
ditandatangani

Saksi-saksi pembelaan
OKT(jika ada)
-tiada periksa balas

**Pegawai Pengambil Keterangan
Memperakui bahawa peruntukan
Dibawah Kaedah 35 dipatuhi**
(rujuk perenggan akhir Jadual ke 3)

AOE

Satu salinan diberi kepada OKT
beserta amaran

("Ini adalah suatu salinan.....
....."-K. 36(2) PU (A) 163)

YA

TIDAK

Catit keterangan OKT
secara bertulis dan
ditandatangani

Saksi-saksi pembelaan
OKT (jika ada)

**Pegawai Pengambil Keterangan
membuat perakuan bahawa OKT
telah diberi amaran sewajarnya**
(rujuk perenggan akhir Jadual ke 3)